

28 NOV 2001

Pelantikan

DUA SETIAUSAHA POLITIK BARU ANGKAT SUMPAH

PUTRAJAYA, 28 Nov (Bernama) -- Dua setiausaha politik yang baru dilantik mengangkat sumpah di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Mereka ialah Ramzi Abdul Rahman, 43, setiausaha politik kepada Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan Mansor Zakariya, 46, setiausaha politik kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Pelantikan Ramzi berkuatkuasa 1 Nov manakala Abdul Hamid mulai 17 Okt.

Upacara ringkas itu turut disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Ketika ditemui pemberita, Ramzi menyatakan azamnya untuk memikul amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan sebaik-baiknya dengan sokongan pegawai dan kakitangan Kementerian Dalam Negeri.

"Selepas ini saya akan mendapatkan nasihat daripada Datuk Seri Abdullah dan akan cuba sedaya-upaya menjalankan tugas dengan sebaiknya," kata anak kelahiran Wakaf Baru, Kelantan itu.

Ramzi memegang jawatan setiausaha sulit dan setiausaha sulit kanan kepada Menteri Dalam Negeri sebelum dilantik ke jawatan sekarang.

Ramzi ialah Naib Ketua Umno Bahagian Pasir Mas, Kelantan.

Sementara itu, Mansor pula berkata beliau menganggap pelantikannya sebagai cabaran baru memandangkan beliau sebelum ini tidak mempunyai latar belakang politik.

Bagaimanapun beliau bertekad menggunakan jawatan barunya itu untuk menyumbang kepada usaha memartabatkan agama Islam di negara ini.

"Isu agama menjadi isu penting di kalangan masyarakat. Jadi saya merancang bersama-sama menteri untuk memartabatkan agama sebagai cara hidup yang benar-benar difahami oleh masyarakat Islam di negara ini," katanya.

Mansor, yang berasal dari Alor Setar, berkelulusan Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai setiausaha sulit kanan kepada menteri yang sama.

-- BERNAMA

ZAI MAM AHH NMO